



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Tiru penipuan mirip 'macau scam'

Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian

Section: Nasional

Date: 21 March 2019

Page: 21

Tiru penipuan mirip 'macau scam'

**Pesara rugi
RM560,000
diperdaya
pembantu pasar
malam**

NUR FARHANA
ABDUL MANAN

SUBANG JAYA

Seorang pesara berusia 71 tahun kerugian sebanyak RM560,000 selepas diperdaya pembantu pasar malam yang menyamar sebagai pegawai

kanan polis Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Sarawak.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya Asisten Komisyoner Risikin Satiman berkata, pesara tersebut menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki Isnin lalu memaklumkan dia mempunyai kes jenayah berkaitan pengubahan wang haram. Menurutnya, suspek mendakwa mangsa mempunyai beberapa bungkusan yang diposkan dan akaun pengadu diktakan terlibat dengan kegiatan jenayah pengubahan wang haram. "Mangsa yang ketakutan disambungkan ke beberapa talian telefon



RISIKIN

dan bercakap dengan 'pegawai polis'.

"Suspek kononnya tawar bantuan dengan arah mangsa pindahkan segala wang simpanan ke akaun

pegawai Bank Negara untuk tujuan audit dan siasatan," katanya.

Risikin berkata, percaya dengan kata-kata suspek yang memberitahu wang akan dikembalikan selepas siasatan selesai, mangsa memasukkan wang ke dalam akaun bank yang dibeberi.

"Selepas sedar ditipu dan alami kerugian, pesara pegawai pemasaran itu membuat laporan polis kelmarin," katanya.

Bertindak atas laporan, Bahagian Siasatan Jenayah Komersil IPD Subang Jaya dengan kerjasama pihak bank menahan seorang le-

laki semasa cuba mengeluarkan wang berjumlah RM250,000 melalui kaunter sebuah bank di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, tangkapan dibuat hasil pematanaan dan siasatan apabila suspek didapati mengeluarkan sejumlah wang yang banyak pada hari sebelumnya.

"Suspek berusia 60 tahun berkerja sebagai pembantu di sebuah pasar malam disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksan dan pemohonan reman akan dibuat ke atasnya.

"Polis turut merampas

buku akaun bank dan resit transaksi pengeluaran wang," katanya.

Terdahulu beliau berkata, 18 kes penipuan komunikasi (macau scam) direkod di kawasan IPD Subang Jaya membabitkan kerugian sebanyak RM 802,970.10 sejak Januari lalu.

Pada tahun lalu sebanyak 82 kes direkod melibatkan kerugian sebanyak RM 5,924,971.63. "Saya nasihatkan orang ramai sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya. Hubungi pihak polis atau institusi kewangan bagi tujuan pengesanan," katanya.